

01 AUG 1997

Moggie-Bakun

CAMPUR TANGAN KERAJAAN BERGANTUNG PADA MESYUARAT MINGGU DEPAN

KUCHING, 1 Ogos (Bernama) -- Kerajaan mungkin campur tangan dalam pertikaian antara Ekran Berhad dan kontraktor utamanya, konsortium Asea Brown Boveri (ABB), berhubung projek hidro-elektrik Bakun, jika mereka gagal mencapai penyelesaian dalam mesyuarat yang dijadualkan minggu depan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie hari ini berkata Ekran, yang memegang ekuiti terbesar dalam projek bernilai RM13.6 bilion itu, mengadakan perbincangan dengan ABB pada 24 Julai tetapi gagal mencapai sebarang kata sepakat dan bersetuju bermesyuarat sekali lagi selepas dua minggu.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan perkhidmatan maklumat Saham atau Info-Stock di sini, beliau berkata kerajaan yakin ia sebuah projek tenaga hidro yang sangat baik dan penting bagi negara.

"Ia sudah dianggap sebagai satu projek nasional dan kita akan melaksanakannya. Jika perlu, kerajaan akan campur tangan," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata jika Ekran dan ABB gagal menyelesaikan pertikaian mereka, "kita mungkin terpaksa membatalkan kontrak itu."

Dua hari lepas, Pengerusi Ekran Tan Sri Ting Pek Khiing mengakui bahawa pertikaian itu disebabkan ketidakpersetujuan kos yang melebihi anggaran nilai projek itu, yang boleh dituntut oleh ABB.

Beliau berkata terdapat beberapa perkara dalam kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan itu, yang membolehkan ABB menuntut kos lebih daripada nilai kontrak AS\$5.44 bilion itu.

Ekran memiliki 32 peratus ekuiti dalam projek itu manakala kerajaan negeri Sarawak 19 peratus dan Perbadanan Bekalan Elektrik Sarawak mempunyai sembilan peratus.

Tenaga Nasional Berhad, Kerajaan Malaysia menerusi Khazanah Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, masing-masing memiliki lima peratus manakala baki 15 peratus diperuntukkan kepada orang awam Malaysia dan institusi tempatan dan luar negara. -- BERNAMA

OPP AKD